



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TIARA PERMAI  
NO.2A, JALAN 2/18A  
TAMAN MASTIARA, JALAN IPOH  
51200 KUALA LUMPUR**



Telefon : 03-61794752  
Faksimile : 03-62414679  
E-mel : wea0260@moe.edu.my

Ruj. Kami : SMKTP.600-2/1/2 (27)  
Tarikh : 26 Januari 2022

**Semua Ibu Bapa / Penjaga  
SMK Tiara Permai  
Kuala Lumpur**

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN CUTI PERSEKOLAHAN SEMPENA TAHUN BAHARU CINA, HARI WILAYAH  
PERSEKUTUAN TAHUN 2022 DAN CUTI PERISTIWA**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa cuti umum bagi sambutan Tahun Baharu Cina tahun 2022 ialah pada 1 dan 2 Februari 2022 dan Hari Wilayah Persekutuan pada 1 Februari 2022. Manakala tambahan cuti perayaan yang diperuntukkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ialah pada 31 Januari dan 3 Februari 2022. Sukacita dimaklumkan juga bahawa pihak Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPWPKL) telah meluluskan permohonan cuti peristiwa pada 4 Februari 2022.

3. Sehubungan dengan itu, sekolah akan bercuti pada **31 Januari, 1 Februari, 2 Februari, 3 Februari, dan 4 Februari 2022** sempena sambutan Tahun Baharu Cina dan Hari Wilayah Persekutuan. Sekolah akan dibuka semula pada **7 Februari 2022 (Isnin)**. Semua murid Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI), Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 hadir ke sekolah tanpa penggiliran. Manakala murid Tingkatan 1, 2, dan 3 hadir ke sekolah secara penggiliran seperti yang dijadualkan serta melaksanakan PdPR secara kendiri.

4. Pihak sekolah mengucapkan selamat menyambut Tahun Baharu Cina kepada semua warga SETIARA yang menyambutnya dan juga selamat menyambut Hari Wilayah Persekutuan. Pihak sekolah berharap YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan sentiasa mengawasi dan memantau pergerakan anak/anak jagaan masing-masing dalam waktu cuti persekolahan.

Perhatian YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian dimaklumkan.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(HAJI AZMAN BIN AB KADIR, AMW)**  
Pengetua  
SMK Tiara Permai  
Kuala Lumpur

